

20 JUN 2002

Umno-Reaksi (Asing)

DELEGASI ASING KAGUM UCAPAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Delegasi asing yang menghadiri majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno hari ini melahirkan rasa kagum dengan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menurut mereka berani dan berterus terang.

Beberapa orang anggota delegasi yang ditemui juga bersetuju bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam berdasarkan perlembagaan negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi serta keutamaan yang diberi oleh kerajaan dalam membangunkan Islam.

Sebanyak 21 parti politik dari 18 buah negara menghantar wakil ke majlis yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Selepas majlis perasmian, mereka mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura Borhan Ariffin berkata beliau kagum dengan sikap terbuka Dr Mahathir ketika memberi nasihat serta menegur pelbagai kelemahan yang masih dihadapi oleh orang Melayu di Malaysia.

Beliau berkata penekanan Dr Mahathir terhadap kemajuan ekonomi dan semangat bersatu padu di kalangan orang Melayu jika mahu maju dan menghadapi globalisasi harus diberi perhatian.

Wakil Partai Bulan Bintang Indonesia Ahmad Samargono berkata Malaysia adalah negara Islam kerana agama itu telah dijadikan sebagai agama rasmi negara.

Selain itu, katanya, kerajaan Malaysia juga telah melaksanakan berbagai-bagai langkah untuk melaksanakan ajaran Islam.

Ahmad juga bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa terdapat kalangan umat Islam yang tidak menghayati ajaran Islam sebenar sehingga membawa kepada salah tafsir mengenai Islam serta ajarannya terutama di kalangan negara-negara barat.

Naib Presiden Parti Tindakan Demokrasi Bosnia Seveda Palavric pula berkata apa yang dinyatakan oleh Dr Mahathir dalam ucapannya bukan sahaja relevan di Malaysia tetapi juga dalam konteks dunia.

Bercakap menerusi jurubahasa, beliau juga berkata Malaysia adalah sebuah negara Islam berdasar kepada perlembagaan negara dan pelaksanaan hukum-hukum Islam.

-- BERNAMA

AKT AZZ MOZ